

## SOALAN LAZIM (FAQ)

### PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN SECARA AUTOMATIK

#### 1. Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan pembayaran zakat simpanan?

Perkhidmatan pembayaran zakat simpanan adalah inisiatif Bank Rakyat untuk membantu pelanggan membuat pengiraan dan pembayaran zakat atas simpanan (yang terdapat di Bank Rakyat sahaja) kepada Agensi Mengurus Zakat (AMZ) (buat masa ini hanya dengan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)). Manakala, bagi simpanan pelanggan yang terdapat di institusi kewangan lain adalah menjadi tanggungjawab pelanggan sendiri untuk melunaskan kewajipan zakat simpanan atas harta tersebut.

#### 2. Bagaimanakah cara untuk mendaftar atau melanggan perkhidmatan pembayaran zakat simpanan ini?

Pelanggan perlu mengisi borang perkhidmatan pembayaran zakat simpanan yang disediakan di semua cawangan Bank Rakyat.

#### 3. Apakah jenis akaun yang diambil kira untuk pembayaran zakat simpanan?

Akaun yang diambil kira bagi pembayaran zakat simpanan adalah akaun **INDIVIDU** yang dipilih oleh pelanggan semasa pendaftaran seperti berikut:

- Akaun Simpanan-i
- Akaun Semasa-i Elektronik (eCAi)

Sekiranya pelanggan memilih lebih daripada satu akaun daripada mana-mana akaun di atas, kesemua jumlah wang simpanan dalam akaun tersebut akan diambil kira dan digabungkan untuk pengiraan zakat simpanan bagi tahun taksiran semasa.

Akaun bersama tidak akan diambil kira dalam pengiraan zakat simpanan. Pelanggan bertanggungjawab untuk melunaskan kewajipan zakat terhadap harta tersebut sendiri.

Pembayaran zakat akan dibuat melalui Akaun Semasa-i Elektronik atau Akaun Simpanan-i sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pelanggan dalam borang permohonan perkhidmatan.

#### 4. Adakah pelanggan perlu membuka akaun dengan Bank Rakyat bagi melanggan perkhidmatan pembayaran zakat simpanan ini?

Ya, pelanggan yang tidak mempunyai akaun dengan Bank Rakyat perlu membuka Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik Bank Rakyat sebelum mereka boleh menikmati kemudahan perkhidmatan ini.

**5. Berapakah nisab yang digunakan untuk pengiraan zakat simpanan?**

Nisab bagi zakat simpanan adalah 85 gram emas mengikut harga pasaran emas yang ditentukan oleh AMZ.

**6. Berapakah kadar zakat simpanan?**

Kadar zakat simpanan adalah 2.5% setahun.

**7. Bagaimanakah cara pengiraan zakat simpanan?**

Cara pengiraan zakat simpanan yang telah dipersetujui antara Bank Rakyat dengan AMZ adalah seperti berikut (cara pengiraan ini mungkin berbeza dengan AMZ yang tidak menyertai perkhidmatan ini):

**Zakat simpanan = Jumlah keseluruhan baki akaun pada 31 Disember x kadar zakat (2.5% setahun)**

**8. Apakah kaedah taksiran zakat simpanan yang digunakan oleh Bank Rakyat?**

Pengiraan zakat simpanan adalah berdasarkan kepada jumlah baki akhir akaun pelanggan pada 31 Disember setiap tahun.

**9. Apakah kriteria akaun pelanggan yang akan ditaksir untuk zakat simpanan ?**

Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik pelanggan yang dibuka sebelum tahun taksiran akan diambil kira bagi tujuan taksiran zakat. Manakala, akaun pelanggan yang dibuka pada tahun taksiran semasa tidak akan diambil kira memandangkan tempoh (haul) yang tidak mencukupi seperti dalam jadual di bawah:

Senario	Akaun dibuka sebelum tahun taksiran	Akaun dibuka semasa tahun taksiran	Kelayakan untuk ditaksir
1	Ya	Tiada	Semua akaun perlu ditaksir
2	Ya	Ya	Hanya akaun yang dibuka sebelum tahun taksiran akan ditaksir
3	Tiada	Ya	Semua akaun tidak perlu ditaksir

**Ilustrasi :**

Contoh ilustrasi taksiran zakat simpanan seperti di bawah:

Tahun taksiran 2022		
Tarikh pendaftaran Zakat Simpanan Automatik: 30 November 2022		
Jenis akaun	Tarikh serta tahun akaun dibuka	Baki semasa pada 31 Disember 2022 (RM)
Akaun Simpanan-i	1 Februari 2014	10,000
Akaun Semasa-i Elektronik	15 Mei 2016	50,000
Akaun Simpanan-i kedua	30 September 2022	30,000 (tidak layak kerana tempoh tidak cukup)
Jumlah keseluruhan akaun	-	60,000
Pengiraan zakat simpanan	-	60,000 x 2.5% = 1,500
Potongan daripada Akaun Semasa-i Elektronik/ Simpanan-i	-	1,500

**10. Adakah akaun pelanggan yang berstatus 'telah dibekukan' atau 'dijadikan cagaran' perlu ditaksir untuk zakat simpanan?**

Bank tidak akan mengambil kira dan menaksir jumlah wang simpanan dalam akaun yang berstatus 'telah dibekukan' atau 'dijadikan cagaran' bagi mana-mana akaun pelanggan semasa pengiraan zakat simpanan. Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melunaskan sendiri kewajipan zakat simpanan mereka terhadap harta yang tidak ditaksirkan tersebut.

**11. Adakah pelanggan boleh memilih untuk membayar zakat sendiri setelah Bank Rakyat membuatkan pengiraan zakat simpanan yang wajib dibayar?**

Pelanggan tidak boleh memilih untuk membayar zakat simpanan sendiri kerana pembayaran zakat simpanan akan diuruskan oleh Bank Rakyat sepenuhnya.

**12. Adakah pelanggan akan menerima resit bagi pembayaran zakat simpanan?**

Ya. Resit rasmi pembayaran zakat simpanan akan dikeluarkan dan dihantar terus kepada pelanggan oleh AMZ. Sekiranya terdapat kesilapan atau pelanggan tidak mendapat resit rasmi pembayaran, pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi AMZ yang terlibat.

**13. Adakah pelanggan yang membuat bayaran zakat simpanan layak mendapat rebat cukai?**

Ya, mereka layak. Pelanggan yang membuat bayaran zakat simpanan melalui Bank Rakyat akan mendapat rebat cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

**14. Adakah perkhidmatan pembayaran zakat simpanan ini mempunyai tempoh tamat?**

Tidak, tiada sebarang tempoh tamat bagi perkhidmatan pembayaran zakat simpanan. Sekiranya pelanggan ingin menamatkan perkhidmatan ini, pelanggan perlu mengisi borang di mana-mana cawangan Bank Rakyat.

**15. Di manakah Pusat Zakat yang sesuai untuk pelanggan membuat pembayaran zakat simpanan?**

Pelanggan dinasihatkan untuk membayar zakat simpanan mengikut negeri di mana hasil simpanan tersebut diperolehi. Bagaimanapun, pelanggan dibenarkan untuk memilih pusat zakat yang bersesuaian bagi tujuan pembayaran zakat. Jika telah berpindah ke negeri lain, pelanggan diberi pilihan untuk menukar lokasi pusat zakat lain yang telah melantik Bank sebagai wakil kutipan zakat (buat masa ini hanya PPZ-MAIWP yang tersedia).

**16. Bilakah tempoh pemotongan zakat daripada akaun akan dilaksanakan dan apakah yang akan berlaku jika baki dalam akaun tidak mencukupi?**

Pelanggan perlu memastikan baki Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik adalah mencukupi pada tarikh 31 Disember tahun semasa sehingga 1 Januari keesokannya bagi tujuan pemotongan pembayaran zakat simpanan. Sekiranya baki akaun tidak mencukupi pada tarikh yang dinyatakan di atas, TIADA pembayaran zakat simpanan yang akan dilaksanakan pada tahun tersebut.